



KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN & TEKNOLOGI MALAYSIA

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 3 TAHUN 2006

GARISPANDUAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN PEGAWAI YANG MENDAPAT PELEPASAN DENGAN IZIN KE KUKTEM

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk menjelaskan kriteria pengesahan dalam perkhidmatan pegawai yang mendapat pelepasan dengan izin.

LATARBELAKANG

2. Garispanduan ini telah mendapat kelulusan pihak Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang bermesyuarat pada 26 April 2006.
3. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi lantikan baru di KUKTEM adalah seperti berikut;
 - a. Berkhidmat dalam percubaan bagi tempoh 1 hingga 3 tahun
 - b. Hadir dengan jayanya kursus Induksi Modul Umum dan Modul Khusus
 - c. Lulus peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan mengikut skim perkhidmatan pegawai berkenaan iaitu **Kertas Umum dan Kertas Khusus**.
 - i. Kertas Umum terbahagi kepada 3 kertas iaitu: **Kertas 1 – Pengurusan Universiti & Perlembagaan Malaysia, Kertas 2 – Sistem Pentadbiran & Syarat-syarat Perkhidmatan, Kertas 3 – Peraturan Kewangan**
 - ii. Kertas Khusus adalah berkaitan dengan skim bagi gred jawatan pegawai
 - d. Diperakukan oleh Ketua Jabatan

3. Kriteria-kriteria bagi pegawai yang dilepaskan dengan izin adalah seperti berikut;
- i. Perlu melalui tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun
 - ii. Hadir dengan jayanya kursus Induksi Modul Umum dan Modul Khusus. Jika telah hadir boleh mohon pengecualian daripada Pendaftar dengan mengemukakan surat rasmi. **Hanya Modul Umum sahaja dibenarkan untuk pengecualian manakala Modul Khusus dikehendaki hadir dengan jayanya.**
 - iii. **Sekiranya pegawai meletakkan jawatan dan tempoh perkhidmatan lepas tidak diambilkira bagi faedah persaraan, maka pengecualian untuk Kursus Induksi perlu dikemukakan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam**
 - iv. Lulus peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan mengikut skim perkhidmatan pegawai berkenaan
 - v. Diperakukan oleh Ketua Jabatan

KUATKUASA

4. Peraturan ini berkuatkuasa bagi staf yang melapor diri **pada atau selepas 1 Januari 2005.**
5. Peraturan ini tidak terpakai kepada pegawai yang ditukar lantik.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI SA'UDI BIN HAJI AHMAD)
PENDAFTAR

Tarikh : 1 Jun 2006

Edaran Kepada:

Semua Dekan

Semua Pengarah

Semua Ketua Bahagian / Unit

Bendahari